

J GB 14-09 00169 BB472

aab

SYEIKUL ARQAM AKAN DITAHAN JIKA BAHAYAKAN KESELAMATAN  
Mahathir - Arqam

JITRA, 14 Sept (Bernama) -- Kerajaan akan menilai kegiatan Syeikul Arqam, Ustaz Ashaari Muhammad, dan mungkin menahannya di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) jika ia didapati bahaya kepada keselamatan negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata bahawa setakat ini kerajaan mendapati pertubuhan Al-Arqam melakukan penyalahgunaan agama untuk kepentingan diri dan perkara itu tidak boleh dibiarkan berleluasa.

Beliau berkata demikian kepada pemberita apabila ditanyasama ada kerajaan akan menahan Ustaz Ashaari, yang dilaporkan berada di Phuket, Thailand, jika beliau kembali ke negara ini. Sebelum itu, Datuk Seri Dr Mahathir merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian Kubang Pasu di sini hari ini.

Beliau bagaimanapun tidak menjelaskan sama ada kerajaan akan mengharamkan terus pertubuhan itu walaupun semua kegiatan Al-Arqam di pejabat-pejabat kerajaan diharamkan mulai Rabu lepas.

+Saya fikir kita harus mengkaji ajaran yang dibawa oleh mereka itu kerana ia menyeleweng daripada akidah Islam. -- Lagi

♥14/09/14-38MST

U GB 14-09 00164 BB473

aab

Mahathir - Arqam 2 Jitra

+Mereka percaya kepada apa yang dikatakan Aurad Muhammadiyah, dan percaya kepada guru mereka, dan percaya Imam Mahadi telahpun menjelma dalam hutan di Indonesia dan sebagainya. Ini adalah karut belaka,+ kata Datuk Seri Dr Mahathir.

Jadi, kata beliau, jika rakyat didedah kepada ajaran seperti itu yang, mereka akan terkeliru dan mungkin akidah mereka hilang.

+Dan mungkin juga golongan ini akan menggugahkan pengaruh mereka untuk kepentingan mereka, dan ini akan merugikan kita, umpamanya penuntut-penuntut universiti yang sedang belajar dihasut supaya meninggalkan pelajaran untuk berkahwin dengan mereka,+ kata beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau juga mendengar tentang wanita rakyat asing yang telah memeluk Islam diambil menjadi isteri oleh anggota Al-Arqam kerana kononnya ia adalah kehendak Islam.

Satu laporan akhbar hari ini menyebut bahawa para pemimpin kanan pertubuhan itu telah berlepas ke Phuket untuk menemui Ustaz Ashaari bagi membincangkan mengenai kegiatan pertubuhan itu yang diharamkan oleh kerajaan. -- Lagi

♥14/09/14-42MST

aab

**Mahathir - Arqam 3 Jitra**

**Terdahulu, dalam ucapannya ketika merasmikan mesyuarat itu, Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga ketua UMNO Bahagian Kubang Pasu, menasihati rakyat supaya mengawasi golongan tertentu yang menggunakan agama untuk kepentingan politik mereka.**

**Katanya, golongan itu sering mengucapkan perkataan-perkataan Arab dalam ucapan mereka sedangkan penggunaan bahasa Al-Quran untuk kepentingan diri bukanlah satu perbuatan yang baik.**

**+Jangan jual murah ayat-ayat Quran semata-mata untuk mendapatkan undi,+ kata beliau.**

**Datuk Seri Dr Mahathir berkata, ada juga golongan yang mengkritik Wawasan 2020 kerana kononnya ia bersifat keduniaan semata-mata dan mereka yang mengkritik itu hanya mahu mendengar +wawasan akhirat+.**

**Perdana Menteri berkata golongan yang mempunyai pendapat sedemikian sebenarnya tidak mempunyai kefahaman yang betul mengenai Islam.**

**Katanya, Wawasan 2020 bertujuan membawa kemajuan yang seimbang antara dunia dan akhirat bagi rakyat Malaysia.**

**Sekiranya negara maju, rakyat akan mudah mencari rezeki serta beribadat, dan itu merupakan sebahagian daripada tuntutan Islam, kata beliau. -- Bernama**

♥14/09/14-44MST